



---

**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 10/1977**

**Memfaikan Dokumen (Surat) Mbenarkan Tuan Punya Tanah  
Membuat Urusan Bagi Tanah Yang Tertakluk Kepada Sekatan  
Kepentingan (Disemak 2009)**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

## **Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 10/1977
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

## Kawalan Versi Dokumen

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

## **Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 10/1977
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

## Kawalan Versi Dokumen

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**  
**Bilangan 10/1977**

**Memfaikan Dokumen (Surat) Membenarkan Tuan Punya Tanah Membuat Urusan  
Bagi Tanah Yang Tertakluk Kepada Sekatan Kepentingan (Disemak 2009)**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihat Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengenai keperluan memfaikan dokumen (surat) yang mengandungi kelulusan Pihak Berkuasa Negeri atau pegawai-pegawai lain bagi membenarkan tuan punya tanah membuat urusan sungguhpun tanah tersebut tertakluk kepada suatu sekatan kepentingan terhadap sesuatu urusan.

2. Sekatan kepentingan sering dikenakan bagi sekeping tanah milik bagi menghalang tuan punya tanah daripada memindahmilik, memajak atau menggadai tanah itu tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri atau Pengarah Tanah dan Galian Negeri.

3. Telah wujud amalan di beberapa pejabat pendaftaran negeri atau daerah, di mana suratcara urusan difailkan bersama dengan surat kebenaran berurusan daripada Pihak Berkuasa Negeri atau Pengarah Tanah dan Galian Negeri dikembarkan. Melainkan dikehendaki oleh undang-undang, sesuatu suratcara urusan tidak boleh difailkan dengan suatu dokumen lain.

4. Adalah wajar sesuatu dokumen (surat) yang mengandungi kelulusan atau kebenaran yang membolehkan tuan punya tanah membuat urusan bagi tanahnya itu difailkan berasingan untuk dijadikan sebahagian daripada rekod tetap pejabat pendaftaran yang akan disenggarakan seperti salah satu daripada suratcara-suratcara atau dokumen-dokumen untuk pendaftaran urusan-urusan. Dokumen (surat) tersebut hendaklah dicatatkan dengan ingatan seperti berikut sebelum ianya difailkan:-

“Ini adalah kebenaran bagi mendaftarkan ..... No. Perserahan:.....  
No. Jilid:..... No. Folio:..... pada ..... 20.....”

5. Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah adalah dengan ini dinasihatkan supaya memfaikan secara berasingan semua dokumen-dokumen (surat-surat) yang mengandungi kelulusan atau kebenaran yang membolehkan tuanpunya tanah membuat urusan bagi sesuatu tanah sungguhpun tanah tersebut tertakluk kepada sesuatu sekatan kepentingan.

**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**